



KERTAS UNTUK MAKLUMAN MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM

CADANGAN PELAKSANAAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) MS ISO 9001:2008 DALAM DWIBAHASA (FASA 1: SKOP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

1.0 TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia Kali ke-30 berkaitan cadangan pelaksanaan dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 dalam dwibahasa.

2.0 LATAR BELAKANG

Dokumentasi ISO merupakan terjemahan kepada proses kerja yang terlibat bagi setiap fungsian dan aras di Universiti Putra Malaysia yang menjadi sumber rujukan semua warga UPM termasuk pelajar dan staf antarabangsa. Justeru, sejajar dengan keperluan semasa dan mengambilkira peningkatan jumlah komuniti pelajar dan staf antarabangsa di Universiti Putra Malaysia, didapati adanya keperluan untuk mendwibahasakan dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi memudahkan rujukan terutamanya pelajar dan staf antarabangsa. Proses mendwibahasakan dokumen MS ISO 9001:2008 akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama pelaksanaan ditumpukan kepada skop Proses Utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran (Prasiswazah dan Siswazah) dan Penyelidikan dan Inovasi. Makluman awal mengenai cadangan mendwibahasakan dokumentasi ISO ini telah diwar-warkan semasa Sesi Perjumpaan Pusat Jaminan Kualiti dengan Semua Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses dan Pusat Tanggungjawab pada 08 Ogos 2016 serta Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-29 pada 25 Ogos 2016.

3.0 PELAKSANAAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008 SKOP PROSES UTAMA DALAM DWIBAHASA (FASA PERTAMA)

Peneraju skop proses utama masing-masing telah mengenalpasti senarai dokumen ISO yang sering dirujuk dan digunapakai oleh pelajar dan staf antarabangsa untuk didwibahasakan dengan jumlah dokumen yang terlibat adalah seperti berikut:

Dokumentasi	PROSES UTAMA		
	Prasiswazah	Siswazah	Penyelidikan & Inovasi
Prosedur	10	12	1
Arahan Kerja	9	22	0
Garis Panduan	5	0	3
Dokumen Sokongan Lain	21	9	9
JUMLAH	45	43	13

Proses terjemahan dokumentasi ISO fasa pertama ini dicadangkan dibuat menggunakan khidmat Unit Penterjemahan dan Penyuntingan, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, UPM dengan anggaran kos sebanyak RM20,000.00 (RM30.00/100 patah perkataan).

Cadangan carta perbatuan bagi proses mendwibahasakan dokumen ISO bagi setiap fasa adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 SYOR

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia adalah dimohon untuk mengambil maklum dan memberi maklumbalas berkaitan cadangan mendwibahasakan dokumen MS ISO 9001:2008 di Universiti Putra Malaysia.

CADANGAN CARTA PERBATUAN PROSES MENDWIBAHASAKAN DOKUMEN ISO

BIL	AKTIVITI/MAKLUMAT	Sasaran Tarikh	TAHUN 2016		TAHUN 2017												TAHUN 2018				
			NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI
Fasa 1: Skop Pengajaran dan Pembelajaran & Penyelidikan dan Inovasi																					
1	Pengenalpastian dokumen yang perlu didwibahasakan	16 - 30 November 2016																			
2	Proses mendwibahasakan dokumen oleh peneraju Proses	Disember 2016 - Februari 2017																			
3	Pengantaran draf dwibahasa dokumen kepada pihak CQA	20 Februari 2017																			
4	Bengkel Semakan akhir draf dokumen yang akan didwibahasakan	2-3 Mac 2017																			
5	Tarikh Kuatkuasa Dokumen Dwibahasa	24 Mac 2017																			
Fasa 2: Skop Pengurusan																					
6	Pengenalpastian dokumen yang perlu didwibahasakan	April 2017																			
7	Proses mendwibahasakan dokumen oleh peneraju Proses	April - Jun 2017																			
8	Pengantaran draf dwibahasa dokumen	Julai 2017																			
9	Bengkel Semakan akhir draf dokumen yang akan didwibahasakan	Julai 2017																			
10	Tarikh Kuatkuasa Dokumen Dwibahasa	Ogos 2017																			
Fasa 3: Skop Sokongan																					
11	Pengenalpastian dokumen yang perlu didwibahasakan	Ogos 2017																			
12	Proses mendwibahasakan dokumen oleh peneraju Proses	Ogos - Oktober 2017																			
13	Pengantaran draf dwibahasa dokumen kepada pihak CQA	November 2017																			
14	Bengkel Semakan akhir draf dokumen yang akan didwibahasakan	November 2017																			
15	Tarikh Kuatkuasa Dokumen Dwibahasa	Disember 2017																			
Fasa 4: Skop Operasi Perkhidmatan Sokongan																					
16	Pengenalpastian dokumen yang perlu didwibahasakan	Januari 2018																			
17	Proses mendwibahasakan dokumen oleh peneraju Proses	Januari - Mac 2018																			
18	Pengantaran draf dwibahasa dokumen kepada pihak CQA	April 2018																			
19	Bengkel Semakan akhir draf dokumen yang akan didwibahasakan	April 2018																			
20	Tarikh Kuatkuasa Dokumen Dwibahasa	Mei 2018																			

